

# **Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bidang Bahasa, Sastera dan Budaya di Malaysia**

*Impact of COVID-19 Pandemic on Language, Literature and Culture in Malaysia*

*Mohd Saipuddin Suliman<sup>1</sup>*

*[saiipuddin@sc.edu.my](mailto:saiipuddin@sc.edu.my)*

*Southern University College, Johor, Malaysia*

*Yamamoto Hiroyuki<sup>2</sup>*

*[yama@cseas.kyoto-u.ac.jp](mailto:yama@cseas.kyoto-u.ac.jp)*

*Kyoto University, Japan*

*Nordiana Ab. Jabar<sup>3</sup>*

*[nordiana.aj@umk.edu.my](mailto:nordiana.aj@umk.edu.my)*

*Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*

*Lim Ying Xuan<sup>4</sup>*

*[yxlim@sc.edu.my](mailto:yxlim@sc.edu.my)*

*Southern University College, Johor, Malaysia*

*Mimi Suriani Mat Daud<sup>5</sup>*

*[mimisuriani@unikl.edu.my](mailto:mimisuriani@unikl.edu.my)*

*Universiti Kuala Lumpur, MITEC, Johor, Malaysia*

Received: 29 November 2020; Accepted: 27 January 2021; Published: 29 January 2021

**To cite this article (APA):** Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021). Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bidang Bahasa, Sastera dan Budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.2021>

## **ABSTRAK**

Artikel ini meneliti impak serta cabaran yang dihadapi dalam bidang bahasa, sastera dan budaya akibat penularan pandemik COVID-19 di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik bacaan rapi (*close reading*) berdasarkan artikel penyelidikan terkini yang berkaitan dengan pandemik COVID-19. Menerusi dapatan kajian, didapati pemakaian istilah baharu seperti 'norma baharu', 'normal baharu' atau 'kebiasaan baharu' banyak digunakan oleh media massa tanpa sebarang standarsasi yang konsisten. Sementara itu, bagi aspek kesusteraan, pandemik COVID-19 seperti memberi harapan baharu dalam lapangan ini. Banyak pertandingan, pendeklamasian dalam talian dan penerbitan antologi puisi dianjurkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Akhir sekali, cabaran yang dihadapi dalam aspek budaya bagi setiap masyarakat di negara ini adalah penyesuaian kehidupan dengan norma baharu. Umpamanya tidak berjabat tangan, mengamalkan penjarakan sosial, mematuhi etika batuk atau bersin, mengelakkan tempat yang sesak, memakai pelitup muka dan perkara yang paling penting iaitu mematuhi perintah kuarantin 14 hari jika diarahkan oleh pihak berkuasa. Secara kesimpulannya, pandemik COVID-19 telah mencipta suatu paradigma baharu menerusi kepelbagaiannya peristilahan bahasa, kepelbagaiannya kaedah penganjuran aktiviti sastera serta perubahan norma budaya dalam kehidupan seharian.

**Kata kunci:** impak; cabaran; pandemik COVID 19; Malaysia.

## **ABSTRACT**

*This article examines the impact and challenges faced in the field of language, literature and culture as a result of the spread of COVID-19 pandemic. This study uses a qualitative approach through close reading techniques on the latest research articles relating to the COVID-19 pandemic. Based on the findings of the study, it was found that the use of new terms such as 'norma baharu', 'normal baharu' or 'kebiasaan baharu' widely used by the mass media without any consistent standards. Meanwhile, in terms of literature, the COVID-19 pandemic has given new hope in this field. Many competitions, online recitations as well as the publication of poetry anthologies are mushrooming. Finally, the challenges faced in the cultural aspect of every society in this country is the adaptation of life to new norms. For example, not shaking hands, practicing social distancing, adhering to the ethics of coughing or sneezing, avoiding crowded places, wearing face masks and most importantly complying with a 14-day quarantine order if directed by the authorities. In conclusion, the COVID-19 pandemic creates a new paradigm in the diversity of language terminology, a variety of methods in organizing literary activities as well as changes in cultural norms in daily life.*

**Keywords:** *impact; challenges; COVID-19 pandemic; Malaysia*

## **PENDAHULUAN**

Umum mengetahui bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah norma kehidupan manusia secara total. Penulisan artikel ini bertujuan untuk menyingkap impak serta cabaran dalam bidang bahasa, sastera dan budaya di negara Malaysia akibat penularan pandemik COVID-19 ini.

## **OBJEKTIF**

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Pertama, mengenal pasti impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di negara Malaysia. Kedua, mengidentifikasi cabaran yang dihadapi dalam bidang bahasa, sastera dan budaya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan akhir sekali memberikan cadangan serta pandangan untuk menyebarluaskan lagi aktiviti bahasa, sastera dan budaya sepanjang musim PKP yang dijangka berlarutan sepanjang tahun 2021.

## **SIGNIFIKAN KAJIAN**

Penulisan ini diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji bahasa, sastera dan budaya dalam usaha menangani impak dan cabaran yang dihadapi dalam bidang bahasa, sastera dan budaya khususnya sewaktu negara diuji dengan pandemik COVID-19. Penulisan ini turut mengusulkan beberapa cadangan serta saranan untuk meningkatkan serta menyebarluaskan aktiviti bahasa, sastera dan budaya sewaktu PKP dikuatkuasakan. Akhir sekali, penulisan ini bertujuan untuk menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi agar membudayakan aktiviti penulisan akademik serta penyelidikan yang berimpak.

## **KAJIAN LEPAS**

Penelitian secara holistik mendapati kurangnya kajian tentang COVID-19 yang dipertalikan dengan aspek bahasa, sastera dan budaya yang dijadikan sebagai fokus utama kajian. Namun begitu, terdapat kajian yang meneliti tentang tingkah laku sosiologi masyarakat berdasarkan teori Interaksionisme yang dibuat oleh Basir, Ab Rahim dan Abdul Halim pada tahun 2020. Kajian tersebut memfokuskan kepada bidang sosiologi merangkumi nilai kemasyarakatan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hasil kajian Basir et al. ini menunjukkan penurunan kadar kes COVID-19 di Malaysia dipengaruhi oleh tingkah laku sosial

masyarakat Malaysia terhadap pematuhan sepanjang PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Kajian beliau mempunyai jalinan persamaan dengan kajian pengkaji iaitu meneliti nilai budaya masyarakat Malaysia, namun aspek bahasa dan sastera tidak dikaji dalam kajian tersebut.

Seterusnya, terdapat satu kajian bertajuk Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus COVID-19 yang ditulis oleh Shahbudin. Kajian tersebut menganalisis karakteristik yang terdiri daripada kebimbangan, berpuas hati, emosional, selesa, cekal dan simpati. Kajian beliau menggunakan teori *Big Five Personality* dengan menganalisis kiriman teks yang dikirimkan oleh para remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa penyampaian karakteristik emosional dapat menonjolkan sikap para pengguna media sosial. Menerusi teori yang diguna pakai, beliau berjaya mengesani kepanikan yang wujud dalam kalangan rakyat negara ini akibat pandemik COVID-19. Kajian Shahbudin yang dijalankan pada tahun 2020 ini mempunyai signifikan dalam lapangan psikologi berikutan kajian ini berkaitan dengan cabang kajian personaliti individu.

Pada sisi lain, didapati terdapat kajian bertajuk Strategi Kesinambungan Perniagaan Semasa Krisis Pandemik COVID-19: Kajian Rantaian Pengagihan Produk Pertanian Pekebun Kecil. Kajian oleh Fabeil, Langgat dan Pazim ini dijalankan pada tahun 2020. Kajian tersebut telah menganalisis impak pandemik COVID-19 terhadap rantaian aspek perniagaan di negara Malaysia. Kajian beliau mendapati beberapa rantaian perniagaan terjejas secara langsung berikutan perlaksanaan perintah kawalan pergerakan. Lambakan hasil pertanian terjadi kerana penutupan beberapa sektor peruncitan dan pengangkutan. Dapatkan kajian tersebut mencadangkan agar diwujudkan platform untuk rantaian pengagihan alternatif yang sesuai bagi produk pertanian agar kesinambungan perniagaan khususnya buat peniaga-peniaga kecil yang bergantung harap dengan hasil jualan secara harian dapat terus berkelangsungan.

Berdasarkan kajian dalam lapangan agama pula, terdapat sebuah artikel bertajuk COVID-19: Impak kepada Ekonomi dan Peranan Institusi Waqaf (*endowment*) yang ditulis oleh Mansur pada tahun 2020. Kajian beliau memfokuskan kepentingan amalan berwakaf bagi menyokong institusi umat Islam terutamanya sewaktu pandemik COVID-19 ini menular. Dapat kajian tersebut mendapati, golongan yang amat terkesan kerana pandemik COVID-19 ialah kumpulan B40 dan M40. Justeru itu, impak pandemik COVID-19 kepada golongan kebanyakannya menjadi agenda utama negara yang perlu ditangani seefektif mungkin. Sekiranya peranan waqaf dapat diperkasa dan diinstitusikan sebaik mungkin, sudah tentu isu-isu sosio-ekonomi ummah dapat ditangani tanpa menjaskan dasar fiskal negara.

Berikutnya, kajian bertajuk *COVID-19 Outbreak in Malaysia* tulisan Elengoe pada tahun 2020 dalam jurnal *Osong Public Health and Research Perspectives*. Kajian beliau mengetengahkan isu pandemik COVID-19 berdasarkan perspektif sains dan kesihatan. Hasil kajian beliau mengutarakan pandangan bahawa langkah pencegahan amat penting berikutan masih tiada vaksin yang dapat menangani virus COVID-19 buat masa ini. Kesiapsiagaan harus diperkemaskan dan menjadi keutamaan bagi mengatasi kes-kes baharu yang bakal terjadi pada tahun yang mendatang. Kajian ini mempunyai kepentingan dalam bidang sains dan kesihatan tetapi dapatkan kajian beliau agak umum dan tidak diperinci secara mendalam.


Berbeza dengan kajian Wallace yang dijalankan pada tahun 2020 bertajuk *COVID-19 Speech and Language Therapy Rehabilitation Pathway*, artikel ilmiah beliau ini turut berkisar tentang dunia sains kesihatan, namun fokus yang ditekankan lebih kepada aspek bahasa sebagai terapi untuk pesakit COVID-19. Beliau mendapati terapi bahasa merupakan salah satu rawatan penting untuk pesakit yang memerlukan sokongan moral dan nasihat positif agar trauma dan kegusaran yang dialami oleh pesakit dapat dikurangkan. Perkara ini amat penting kerana terdapat beberapa kes bunuh diri yang dicatatkan akibat terlalu tertekan dan tidak dapat menanggung dugaan yang dihadapai akibat pandemik COVID-19. Kajian Wallace ini mempunyai jalinan persamaan dengan kajian pengkaji kerana melibatkan aspek

kebahasaan namun fokus yang ditekankan oleh Wallace meliputi bidang terapi manakala kajian pengkaji pula berkenaan aspek morfolgi iaitu kajian tentang perkataan dalam sesuatu unsur bahasa.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi teknik bacaan rapi (*close reading*) terhadap hasil penemuan kajian-kajian terkini yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 sama ada dalam artikel jurnal maupun kertas prosiding yang berindeks. Menurut Fisher & Frey (2013) *close reading is a strategy that can be used to understand challenging text*.

Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga bahagian. Pertama, impak pandemik COVID-19 terhadap dunia bahasa, sastera dan budaya di negara Malaysia. Kedua, cabaran yang dihadapi dalam wilayah bahasa, sastera dan budaya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan akhir sekali mengusulkan cadangan serta pandangan bagi menyebarluaskan lagi aktiviti bahasa, sastera dan budaya. Berikut merupakan kerangka kajian penulisan artikel ini:



**Rajah 1.** Kerangka kajian Impak pandemik COVID-19 terhadap wilayah bahasa, sastera dan budaya di Malaysia

Sumber: Oleh pengarang

## HASIL ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis kajian berdasarkan impak, cabaran serta cadangan untuk mendepani ancaman pandemik COVID-19 di negara ini terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya.

### IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP BIDANG BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

Pandemik COVID-19 telah mencipta wajah baharu dalam rutin kehidupan manusia di seluruh dunia. Yunus dan Rezki (2020) berpendapat tahun 2020 merupakan tahun yang mengkhawatirkan seluruh negara. Hal ini disebabkan munculnya wabak virus Corona, yang bermula dari Kota Wuhan China, dan menyebar ke seluruh penjuru dunia.

Tidak terkecuali bagi negara Malaysia, impak pandemik ini telah mengubah secara tidak langsung dunia kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan. Menerusi aspek kebahasaan, beberapa perkataan yang jarang diguna pakai sebelum ini menjadi tular penggunaannya. Umpamanya seperti ‘sut peralatan perlindungan diri (PPE)’ yang mencatatkan 83,300 keputusan carian di laman carian internet, ‘pelitup muka fabrik’ sebanyak 59,500 keputusan carian, ‘kebolehjangkitan’ sebanyak 105,000 keputusan carian, ‘saringan’ sebanyak 22,400,000, ‘kumulatif kes’ sebanyak 394,000 keputusan carian, ‘kes indeks’ sebanyak 6,750,000, ‘proses nyah kuman’ sebanyak 86,000, ‘kontak rapat’ sebanyak 25,400,000, ‘sampel ulangan’ sebanyak 1,040,000, ‘bergejala’ sebanyak 848,000, ‘etika batuk’ sebanyak 785,000, ‘disinfeksi’ sebanyak 1,310,000, ‘norma baharu’ sebanyak 3,310,000 serta ‘penjarakan fizikal’ sebanyak 2,670,000.

Berdasarkan hasil keputusan carian di atas, perkataan ‘kontak rapat’ menunjukkan bilangan yang tertinggi iaitu 25,400,000 diikuti perkataan ‘saringan’ iaitu 22,400,000 dan perkataan ‘norma baharu’ sebanyak 3,310,000. Kesemua hasil carian ini (setakat 22 Oktober 2020), menunjukkan bahawa ramai pengguna internet yang ingin mengetahui secara serius perkembangan terkini kes COVID-19 serta laporan lengkap berhubung kontak rapat yang terlibat bagi setiap kes yang terjadi agar langkah pencegahan dapat diambil. Dalam pada itu, perkataan ‘norma baharu’ juga merupakan perkataan yang ketiga tertinggi dan amat lazim digunakan sama ada di dada akhbar, media sosial maupun laporan berita. Kasdan, Baharuddin, Shamsuri (2020) bersepakat bahawa dari perspektif linguistik, pandemik ini mencambahkan korpus pertbaharaan kata bahasa Melayu dengan sangat pesat. Sebagai contoh, wujudnya istilah penjarakan sosial, droplet, PPE, PKP dan meratakan puncak lengkungan.

Jika diselidiki, terdapat tiga versi perkataan iaitu ‘Norma Baharu’, ‘Normal Baharu’ dan ‘Kebiasaan Baharu’. Apabila dirujuk pada matrik keputusan carian di internet, ‘Norma Baharu’ mencatatkan sebanyak 3,310,000 keputusan, ‘Normal Baharu’ sebanyak 1,680,000 keputusan manakala ‘Kebiasaan Baharu’ sebanyak 368,000 carian sahaja. Berdasarkan peristilahan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, perkataan ‘Norma Baharu’ membawa maksud peraturan atau undang-undang baharu yang diguna pakai oleh masyarakat. Maksud ‘Kebiasaan Baharu’ pula membawa pengertian tindakan atau tingkah laku baharu dan tidak seperti kebiasaan atau standard kehidupan sediakala. Namun demikian, perkataan ‘Normal Baharu’ merupakan padanan kosa kata yang kurang diguna pakai berbanding ‘Norma Baharu’. Didapati, tiada satu standarsasi peristilahan yang khusus untuk diguna pakai menyebabkan wujudnya pemakaian istilah yang pelbagai dalam media massa di negara ini.

Kasdan et al. (2020) menegaskan bahawa fenomena keanekaragaman penciptaan istilah ini perlu diberikan perhatian bagi memastikan istilah yang digunakan dapat difahami dan diamalkan oleh pengguna kerana istilah tersebut berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat.

Kesemua perkataan di atas kerap diulang siar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sama ada di televisyen maupun media sosial dengan hasrat agar masyarakat negara ini lebih berwaspada serta meningkatkan kesedaran terhadap perihal pentingnya bersedia bagi mencegah ancaman COVID-19. Sementara itu, dalam aspek kesusasteraan, pandemik COVID-19 telah memberi harapan baharu dalam lapangan ini. Banyak pertandingan, deklamasi dalam talian serta penerbitan antologi puisi dijalankan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Jika sebelum ini, aktiviti sastera agak kurang diketahui umum, namun platform dalam talian telah berjaya menyemarakkan kembali aktiviti sastera dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. Menurut Ali & Mustaffa (2017) sastera siber merupakan salah satu cara bidang sastera mengambil tempat serta mengorak langkah dalam perkembangan sains dan teknologi. Berikut di bawah merupakan beberapa contoh aktiviti serta penerbitan karya sastera terpilih sepanjang PKP 18 Mac – 09 Jun 2020:

**Jadual 1:** Aktiviti serta penerbitan karya sastera terpilih sepanjang PKP 18 Mac – 09 Jun 2020

No.	Aktiviti	Bulan/Tahun	Penerbitan	Bulan/Tahun
1.	Baca Puisi Dunia COVID-19 anjuran PENYAIR & NuhaBooks	April, 2020	Antologi Puisi Pengalaman Menempuh COVID-19 kelolaan UiTM	April, 2020
2.	Tulis Puisi Tentang Membaca anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia	April, 2020	Penerbitan Anekdot dan Tulis Buku kelolaan AID Conference	April, 2020
3.	Sayembara Kisah Inspirasi, Deklamasi Sajak dan Pertandingan Video Pendek Berteraskan Nilai anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia	April, 2020	Antologi Puisi COVID-19 kelolaan PENYAIR	April, 2020
4.	Baca Puisi Ramadan anjuran PENYAIR	April, 2020	Antologi Puisi Magisnya 2020 kelolaan AID conference	April, 2020
5.	Pertandingan Mencipta Puisi COVID-19 & Pengalaman PKP anjuran Perpustakaan Negara Malaysia	April, 2020	Puisi-Puisi COVID-19 Mohamad Saleeh Rahamad kelolaan cakradunia.co	April, 2020
6.	Pertandingan Deklamasi Sajak Sekolah-Sekolah (Dalam Talian) Peringkat Daerah Langkawi	April, 2020	Koleksi Puisi Buat Jentera Barisan Hadapan kelolaan Kolej Melati, UiTM	April, 2020
7.	Pertandingan Puisi Islam Asean 2020 anjuran kerajaan negeri Sabah & DBP	Mei, 2020	Antologi Puisi COVID-19 Radang dan Ladang kelolaan OSF reprints	April, 2020
8.	Pertandingan Deklamasi Puisi COVID-19 anjuran Jabatan Pendidikan Negeri, Johor	Mei 2020	Antologi Puisi Guru Dari Jauhar kelolaan Persatuan Penulis Johor	Mei, 2020
9.	Pertandingan Mencipta Pantun / Sajak COVID-19 anjuran SJKT Bandar Spring Hills	Mei, 2020	Antologi Puisi Indah Kayangan kelolaan Persatuan Melayu Negeri Perlis	Jun, 2020
10.	Bedah Karya: Naratif dan Konseptual dalam Kapal Kertas anjuran E-Pantaran	Mei, 2020	Antologi Puisi COVID-19 SLCP kelolaan UUM	Jun, 2020

Jadual di atas menunjukkan bahawa aktiviti sastera berjalan dengan aktif walaupun dalam tempoh PKP dan perkara ini sama sekali di luar jangkaan. Walaupun terdapat beberapa aktiviti sastera yang terpaksa ditunda, namun platform dalam talian telah berjaya menyemarakkan kembali lapangan sastera tanah air. Mengambil contoh sebuah Bengkel Penulisan Puisi Merdeka yang dipimpin oleh Dr. Lim Swee Tin menerusi platform Zoom sekitar bulan Ogos 2020, bengkel tersebut berjaya menarik penyertaan sebanyak 80 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar kaum. Perkara ini merupakan petanda sihat

dan menunjukkan bahawa bidang sastera mendapat tempat di hati setiap lapisan kaum dan momentum ini harus diteruskan agar perpaduan kaum dapat terjalin dengan murni dan sejahtera.

Pada sisi lain, penerbitan karya sastera juga tidak kurang hebatnya. Didapati terdapat sebuah antologi puisi kelolaan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang memuatkan lebih 500 puisi guru-guru dari seluruh Malaysia. Perkembangan ini amat positif dan wajar diteruskan bagi mewarnai lapangan sastera tanah air dan secara tidak langsung dapat melestarikan serta merancakkan industri pembukuan tempatan sepanjang PKPB dikuatkuasakan.

Menerusi aspek budaya masyarakat Malaysia, pandemik COVID-19 telah mencipta gaya hidup baru yang wajib dipatuhi oleh setiap kaum. Budaya norma baru ini dilihat mendapat sokongan positif oleh rakyat Malaysia. Buktinya, kes COVID-19 di negara Malaysia mencatatkan penurunan kes jangkitan sepanjang PKP 1.0 disebabkan pematuhan rakyat Malaysia terhadap segala SOP yang ditetapkan.

Basir et al. (2020) mendapati kejayaan melawan COVID-19 oleh masyarakat Malaysia mula dapat dilihat pada PKP 1.0, Fasa 3 yang menunjukkan kadar positif, iaitu melalui keluk graf yang baik hasil penurunan kes COVID-19. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan penurunan kadar kes COVID-19 di Malaysia dipengaruhi oleh tingkah laku sosial masyarakat Malaysia terhadap pematuhan sepanjang PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Penghargaan tertinggi wajar diberikan kepada kakitangan barisan hadapan seperti doktor, polis, tentera, RELA serta semua yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya.

## **CABARAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP BIDANG BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA**

Terdapat banyak cabaran yang harus diatasi bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Menerusi bidang kebahasaan, selain pemakaian istilah yang tidak standard, terdapat juga permasalahan lain telah dikenal pasti. Antaranya seperti pemahaman maklumat yang salah khususnya oleh warga asing yang menetap di negara ini. Sebagai contoh, warga asing tidak dibenarkan untuk hadir Solat Jumaat serta solat berjemaah di masjid atau di surau. Namun, terdapat segelintir warga asing yang tetap hadir dan akhirnya diarah pulang oleh ahli jawatankuasa pengurusan masjid.

Ironinya, didapati terdapat beberapa maklumat yang agak mengelirukan dalam laporan akhbar mahupun informasi yang disampaikan oleh pihak berwajib. Perkara ini tidak seharusnya berlaku sekiranya terdapat sistem penyebaran informasi yang efesien dan sistematik. Namun demikian, perkara sebegini semestinya tidak dapat dielakkan berikutan isu pandemik COVID-19 ini merupakan satu pengalaman baru buat negara Malaysia dan serata dunia. Justeru, semua pihak perlu belajar untuk mengadaptasi norma baru dalam kehidupan masing-masing dan tidak terkecuali kepada pengamal media, pihak berwajib serta agensi-agensi berkaitan.

[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my) › 2020/08 › w... ▾ Translate this page

## [Warga asing dibenar ke masjid, surau - Berita Harian](#)

Aug 25, 2020 - KUALA LUMPUR: Warganegara **asing** dibenarkan untuk menunaikan solat berjemaah di **masjid** dan surau bermula 1 September ini.

[www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) › 2020/09 › w... ▾ Translate this page

## [Warga asing masih tak dibenarkan solat jemaah di masjid ...](#)

Sep 1, 2020 - **WARGA asing** masih tidak dibenarkan menunaikan solat berjemaah termasuk solat Jumaat di semua **masjid** dan surau di Wilayah ...

**Rajah 1.** Dua tajuk akhbar dalam talian yang agak mengelirukan jika tidak difahami konteksnya dengan betul

Sumber: [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my) & [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)

Demikian pula dalam bidang sastera, beberapa cabaran harus ditempuhi akibat pandemik COVID-19 ini. Sebagai contoh, terdapat penggiat seni sastera yang terdiri daripada golongan veteran. Didapati golongan ini agak sukar untuk mengikuti acara-acara sastera secara dalam talian akibat ketiadaan pendedahan awal tentang dunia teknologi maklumat. Jemputan untuk memberikan ceramah secara dalam talian juga menjadi sedikit sukar kerana khawatir penceramah tidak mahir dengan aplikasi dalam talian seperti Zoom, Microsoft Teams dan sebagainya.

Berdasarkan kajian Prensky (2001) yang memperkenalkan dua konsep utama iaitu “digital native” dan “digital immigrants”, konsep ini memberi penerangan mengenai perilaku dua generasi terhadap dunia teknologi pada masa kini. Menurut Prensky, individu atau golongan muda boleh dilabelkan sebagai “digital native” atau penetap asal dalam persekitaran digital. Individu “digital native” dinyatakan memiliki kemahiran dalam menggunakan pelbagai peranti teknologi berbanding warga emas atau “digital immigrants” yang dianggap terasing dalam persekitaran digital.

Dalam pada itu, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti sastera seperti pementasan teater, persembahan drama dan sebagainya telah ditunda ke tarikh lain. Perkara-perkara sebegini merupakan cabaran yang harus dihadapi oleh penggiat sastera tanah air serta seluruh rakyat Malaysia berikutan penularan pandemik COVID-19. Namun begitu, sektor seni dan semua sektor lain sudah mula dibuka secara berperingkat berserta pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Akhir sekali, cabaran yang dihadapi dalam aspek budaya bagi setiap masyarakat di negara ini adalah pembiasaan kehidupan dengan norma baharu. Umpamanya, tidak bersalaman apabila berjumpa sahabat handai, mengubah budaya bercuti di luar negara kepada percutian dalam negara sahaja, mengamalkan penjarakan sosial pada setiap masa kecuali sesama keluarga, mematuhi etika batuk atau bersin, menghindari tempat yang sempit dan ramai manusia, memakai pelitup muka dan paling mustahak sekali akur dengan perintah kuarantin 14 hari jika diarahkan oleh pihak berwajib.

Citrawati, Sukraandini, Mirayanti, Candrawati dan Putri (2020) mengusulkan bahawa cara mencegah penularan dari virus COVID-19 adalah dengan melaksanakan pola hidup yang bersih dan sihat, melakukan penjarakan sosial dan penjarakan fizikal untuk memutuskan mata rantai penyebaran virus ini.

Kesemua norma budaya baharu ini merupakan cabaran untuk rakyat Malaysia. Hakikatnya, terdapat segelintir yang masih enggan memakai pelitup muka, tidak mengamalkan penjarakan sosial jika tiada penguatkuasa di kawasan tersebut dan paling membimbangkan adalah terdapat individu yang tidak mematuhi proses kuarantin wajib selama 14 hari di rumah walaupun baru pulang dari luar negara!

Menurut Jiang, Niu, Li, Li, Cai, Chen, Liao dan Wang. (2020) *an extension of the adult quarantine period to 18 days or 21 days could be more effective in preventing virus-spreading and controlling the disease. The cases transmitted by lunch/dinner parties could be infected first in the gastrointestinal tract through oral transmission and then infected in the respiratory system so that they had a longer incubation period.*

Berdasarkan kenyataan di atas, para penyelidik tersebut mencadangkan agar tempoh kuarantin yang lebih efektif adalah sekitar 18 hingga 21 hari. Ironinya, tempoh kuarantin di Malaysia hanya 14 hari, namun terdapat segelintir individu yang diarah kuarantin wajib masih gagal memberikan kerjasama dan masih mementingkan diri sendiri serta kelihatan di tempat awam. Inilah merupakan cabaran utama negara Malaysia yang harus dihadapi dengan bijaksana dan berhikmah.

### **CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN SERTA MENYEBARLUASKAN AKTIVITI BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA**

Terdapat beberapa kaedah yang sistematik dapat diimplementasi bagi melorongkan hala tuju perancangan aktiviti bahasa, sastera dan budaya secara proaktif. Antaranya pemilihan platform yang sesuai untuk menjalankan sebarang aktiviti bahasa, sastera dan budaya. Jika meneliti kepada trend peningkatan kes jangkitan COVID-19 di negara ini, maka dicadangkan agar pihak penganjur menjalankan aktiviti bahasa, sastera atau budaya secara dalam talian. Antara platform mesra pengguna yang boleh digunakan seperti ZOOM, Cisco Webex, Microsoft Teams, Go ToMeeting, Uber Conference, Facebook Live dan sebagainya.

Setelah mengidentifikasi platform manakah yang paling sesuai untuk diguna pakai dalam sesuatu aktiviti, berikutnya penelitian perlu melibatkan aspek perluasan. Aspek perluasan meninjau parameter pengendalian sesuatu aktiviti sama ada di peringkat dalaman jabatan, peringkat negeri mahupun peringkat antarabangsa. Semestinya peringkat antarabangsa merupakan peringkat tertinggi dalam sesuatu penganjuran dan ianya adalah tidak mustahil untuk diimplementasi dengan kos yang minimum pada masa kini. Hal ini berikutan wujudnya pelbagai platform dalam talian yang disediakan secara percuma mahupun berbayar seperti yang disenaraikan di atas. Namun begitu, harus diingat bahawa persediaan sesuatu aktiviti haruslah profesional serta kreatif agar dapat menarik hati khalayak luar negara untuk turut serta dalam program yang direncanakan.

Akhir sekali merupakan peringkat terpenting iaitu pemantauan. Peringkat ini merupakan tahap yang amat penting dan akan memberi imej yang baik mahupun sebaliknya kepada pihak penganjur. Terdapat tiga perkara yang perlu dinilai iaitu penambahbaikan seperti inovasi aktiviti, kajian risiko dan akhir sekali kajian prestasi. Kesemua kaedah ini wajar diambil perhatian bagi memastikan peningkatan kualiti secara berterusan dapat dijalankan dalam lapangan bahasa, sastera dan budaya agar terus berdaya saing, berkualiti dan berimpak pengisianya.

### **PENUTUP**

Berdasarkan analisis impak dan cabaran, maka wujudnya cadangan serta pandangan bagi meningkatkan serta menyebarluaskan aktiviti bahasa, sastera dan budaya di negara ini. Menerusi permakaian istilah bagi

‘Norma Baharu’, ‘Normal Baharu’ dan ‘Kebiasaan Baharu’, pihak berkaitan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) harus menguarkan-uarkan secara berkala maksud serta cara pemakaian istilah ini dengan betul dan tepat agar sesuai dengan konteks ayat dan situasi.

Dalam pada itu, pihak berwajib boleh mengambil langkah kreatif dan inovatif agar masyarakat peka dan maklum dengan segala perubahan serta kemas kini pinjaman bahasa dan istilah. Barangkali boleh diuar-uarkan di dalam aplikasi MySejahtera secara santai dan berkala. Oleh itu, setiap individu yang menggunakan aplikasi tersebut akan dididik secara tidak langsung berkenaan penggunaan bahasa atau istilah yang tepat untuk ‘Norma Baharu’, ‘Normal Baharu’ dan ‘Kebiasaan Baharu’.

Pada sisi lain, kerjasama yang profesional wajar dijalankan bersama negara jiran khususnya sekitar kepulauan Nusantara yang mempunyai rumpun bahasa yang hampir sama. Kerjasama ini akan meningkatkan martabat bahasa dan pada masa yang sama mengelakkan kekeliruan istilah berikut ramai warga asing dari Indonesia yang menetap di negara Malaysia untuk belajar, bekerja dan sebagainya.

Berkenaan bidang sastera yang mendapat sambutan baik untuk bengkel dalam talian, penerbitan antologi dan sebagainya harus dikaji secara rinci. Kajian dapat dibuat berdasarkan trend sambutan masyarakat dalam lapangan sastera berdasarkan kiraan bulan atau tahun. Hal ini demikian kerana, dikhawatiri sambutan ini bersifat sementara berikutan rakyat Malaysia hanya duduk di rumah sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mempunyai lebihan wang daripada moratorium yang diberikan oleh pihak kerajaan. Justeru itu, berlaku peningkatan penyertaan secara mendadak dalam setiap aktiviti sastera dan sebagainya.

Bagi permasalahan penggiat sastera veteran yang berdepan dengan kesukaran mengikuti bengkel maya, dianjurkan agar pihak pengelola memudahkan urusan seperti menggunakan platform ringkas seperti Facebook Live, perkongsian di Youtube dan sebagainya. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana generasi yang berbeza mempunyai kekangan yang berbeza.

Akhir sekali untuk aspek budaya masyarakat, secara amnya majoriti masyarakat negara Malaysia mengikut arahan kerajaan sebaik mungkin. Jika diamati, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh kerajaan khususnya pihak Kementerian Kesihatan. Umpamanya pendekatan yang sistematik, perluasan kerjasama dengan pihak antarabangsa World Health Organization (WHO) serta pemantauan rapi dan perlaksanaan aspek pencegahan secara proaktif. Namun, aspek inovasi masih belum sesuai untuk diimplementasi berikutan negara Malaysia masih di bawah kategori negara membangun dan penciptaan vaksin bukanlah suatu perkara yang mudah serta banyak faktor perlu diambil kira seperti kepakaran saintis, kos perbelanjaan serta kemudahan makmal yang moden dan canggih.

Secara kesimpulannya, bidang bahasa, sastera dan budaya dapat dimajukan dengan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berkala. Segala impak dan cabaran boleh diatasi jika kaedah dan pendekatan yang sesuai diguna pakai. Namun begitu, tiada gunanya segala kajian dibuat jika sikap segelintir masyarakat yang kekal ditakuk lama, mementingkan diri dan mengambil lewa ancaman COVID-19. Bahananya, bukan sahaja kepada bidang bahasa, sastera dan budaya malah ekonomi akan lumpuh, segala aktiviti terpaksa ditunda, ramai individu dibuang kerja dan pada waktu itu ratusan penyelidikan juga tiada erti.

Oleh itu, setiap rakyat harus bersatu hati melawan pandemik COVID-19 agar ekonomi negara dapat dipulihkan dan segala aktiviti bahasa, sastera dan budaya dapat bercambah dengan proaktif sama ada di peringkat glokal mahupun global.

## RUJUKAN

- Ali, T.I.M. & Mustaffa, M.M. (2017). Program Kesusteraan Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan Dan Cabaran. *Jurnal Melayu*, 16(1), 19-31.
- Basir, N., Ab Rahim, I.S. & Abdul Halim, M.Z. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 11-30. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.2.2020>
- Brookhart, S.M. (2018). Appropriate Criteria: Key to Effective Rubrics. *Front. Educ*, 3(22), 1-12.
- Citrawati, N.K., Sukraandini, N.K., Mirayanti, N.K., Candrawati, S.A.K. & Putri, N.L.N. (2020). Tingkatkan Pengetahuan dan Kesadaran Masyarakat Dalam Memutus Rantai Penularan Virus Covid -19 Di Wilayah Desa Tumbu Karangasem. *Journal of Community Engagement in Health*, 3(2), 147-150.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health Res Perspect*. 2020, 11(3), 93-100.
- Fabeil, N., Langgat, J. & Pazim, K. (2020). Strategi Kesinambungan Perniagaan Semasa Krisis Pandemik COVID-19: Kajian Rantaian Pengagihan Produk Pertanian Pekebun Kecil. *Conference: 2nd ASNet International Multidisciplinary Academic Conference (AIMAC 2020)*, Kuala Lumpur, 04, 108-115.
- Fisher, D. & Frey, N. (2013). Annotation: Noting evidence for later use. *Principal Leadership*, 13 (6), 49-52.
- Jiang, X., Niu, Y., Li, X., Li, L., Cai, W., Chen, Y., Liao, B. & Wang, E. (2020). Is a 14-day quarantine period optimal for effectively controlling coronavirus disease 2019 (COVID-19), *MedRxiv*, 3(15), 1-12.
- Kasdan, J., Baharuddin, R. & Shamsuri, A.S. (2020). COVID-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi. *GEMA: Jurnal of Language Studies*, 20(3), 221-241.
- Mansur, K. (2020). *COVID-19. Impak Kepada Ekonomi dan Peranan Institusi Waqaf (endowment)*. Mendepani Kegawatan Sosio-ekonomi Ummah. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Prensky, M. (2001). *Teaching Digital Natives: Partnering for Real Learning*. New York: SAGE Publications.
- Shahbudin, M.S.I. (2020). Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus Covid 19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.1.2020>
- Wallace, S. (2020). *COVID-19 Speech and Language Therapy Rehabilitation Pathway*. London: College of Speech and Language Therapists.
- Yunus, N.R. & Rezki, A. (2020). Kebijakan Pemberlakuan Lock Down Sebagai Antisipasi Penyebaran Corona Virus COVID-19. *Salam: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar-I*, 7(2), 227-238.